



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 5 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	15 PREMIS DIBERI AMARAN, NASIHAT, LOKAL, HM -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	LANGGAR SYARAT TANGKAP IKAN, LOKAL, HM -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	PNK BINTULU, SHOPEE KERJASAMA BANTU NELAYAN KUASAI E-DAGANG, UTUSAN BORNEO -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	LEBIH 120,000 ORANG TERLIBAT DALAM PERTANIAN BANDAR SEJAK 2014: RONALD KIANDEE, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
5.	LEBIH RM42 JUTA BANTU NELAYAN DALAM LIMA PERTAMA TAHUN INI, MALAYSIA AKTIF -ONLINE	
6.	120,000 URBAN FARMERS NURTURED SINCE 2014 - KIANDEE, HOME, BORNEO POST (KK) -6	
7.	NELAYAN TERIMA ELAUN LEBIH RM42J, NEGERI SELANGOR/KL/KELANTAN/KEDAH, SINAR AHAD -38	
8.	KERAJAAN GALAK PROJEK AKUAKULTUR, NASIONAL, SINAR AHAD -7	
9.	PROGRAM PERTANIAN BANDAR BANTU TINGKATKAN PENDAPATAN KOMUNITI, NASIONAL, SINAR AHAD -7	
10.	KUNDASANG, RANAU TO UNDERGO AGRICULTURAL REVOLUTION - JUNZ, HOME, BORNEO POST (KK) -5	LAIN-LAIN
11.	INISIATIF 3 BULAN 'BERKURUNG', XPRESI, METRO AHAD -27	
12.	KAEDAH LESTARI PILIHAN TERBAIK, XPRESI, METRO AHAD -28	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/7/2020	HARIAN METRO	LOKAL	11

15 premis diberi amaran, nasihat

Kuala Lumpur: Sebanyak 15 premis diberi amaran dan nasihat kerana tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), kelmarin.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sebanyak 1,722 premis diperiksa melalui pemeriksaan khas pematuhan SOP dija-

lankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Dalam pemeriksaan itu, 1,707 premis didapati mematuhi SOP ditetapkan manakala 11 premis diberi nasihat dan empat premis diberi amaran kerana tidak patuh SOP.

"Penguat kuasa KPDNHEP turut membuat pemantauan

harian ke atas 25 jenis bekalan barangan di 725 premis perniagaan termasuk peruncit (537), pemborong (157) dan pengilang (31).

"Secara keseluruhan bekalan barangan keperluan cukup dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan serta mudah diperoleh," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi kenyataan media

mengenai laporan perkembangan harian pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hari ke-109 dan hari ke-24 PKPP, semalam.

Selain itu, Ismail Sabri berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) juga membuat pemantauan di peringkat pengeluaran makanan dan membeji jaminan bekalan barangan keperluan mencukupi.

Langgar syarat tangkap ikan

Kuching: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Sarawak menahan tiga bot nelayan tempatan yang melakukan aktiviti menangkap ikan di perairan kira-kira 27 batu nautika dari utara Tanjung Po di sini, kelmarin.

Aset Maritim Malaysia yang membuat rondaan mengesan tiga bot nelayan tempatan kelas C2 menangkap ikan dan terus melakukan pemeriksaan ke atas bot terbabit jam 10.12 pagi.

Pengarah Maritim Negeri Sarawak, Robert Teh Geok Chuan berkata, ketiga-tiga bot nelayan terbabit ditahan kerana menangkap ikan di bawah jarak yang ditetapkan pada lesen iaitu 30 batu nautika.

"Pemeriksaan mendapati ketiga-tiga tekong dan

20 awak-awak bot berkekuasaan warganegara Thailand.

"Semua yang ditahan berumur lingkungan 28 hingga 56 tahun dibawa ke Kompleks Tun Abang Salahuddin (Komtas) untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 kerana disyaki melanggar syarat lesen.

"Tangkapan ini menunjukkan Maritim Malaysia tidak berkompromi dengan sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang di laut.

"Maritim Malaysia berusaha meningkatkan kawalan keselamatan dan rondaan operasi penguatkuasaan undang-undang di zon perairan negara," katanya.



TIGA bot nelayan tempatan yang ditahan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/7/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

PNK Bintulu, Shopee kerjasama bantu nelayan kuasai e-dagang



KEMUDAHAN: Pengguna boleh melayari kedai PNK Bintulu di <https://shopee.com.my/pnkbintulu> untuk mendapatkan hasil laut segar daripada para nelayan Bintulu.

BINTULU: Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bintulu dan Shopee bekerja-sama untuk membuka pelbagai kemungkinan peluang perniagaan dalam talian kepada lebih 700 nelayan di Bintulu.

PNK Bintulu dalam kenya-taannya semalam berkata, di bawah penyeliaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), kedai rasmi dalam talian PNK Bintulu di Shopee dilancarkan.

"Ia menawarkan jualan produk makanan laut secara dalam talian merangkumi pelbagai jenis ikan seperti ikan merah, jenahak, tenggiri batang, ibu kerisi, demudok, tongkol, udang putih besar, udang harimau dan beberapa jenis produk makanan laut lain," ujarnya.

Menurutnya, mata pencarian para nelayan terjejas susulan gangguan pengedaran akibat perlu kekal duduk di rumah dalam usaha mengawal penularan wabak COVID-19.

Justeru katanya, usaha itu dibuat sebagai sebahagian inisiatif nasional LKIM melalui Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) untuk membantu 56,000 nelayan di seluruh negara dengan membolehkan penjualan hasil laut segar secara dalam talian.

"Ini penting untuk membantu mengekalkan pendapatan nelayan dan memastikan bekalan sampai kepada rakyat tanpa berlakunya pembaziran," tambahnya.

Katanya, dengan bantuan daripada PNK Bintulu bagi menjual hasil laut segar di Shopee, maka golongan nelayan di sini tidak perlu risau lagi mengenai penjualan hasil laut yang di-raih dan punca pendapatan mereka.

Jelasnya, kerjasama antara PNK Bintulu dan Shopee hanya permulaan bagi usaha jangka panjang untuk sektor pertanian digital di Malaysia seperti yang diumumkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee sebelum ini.

Katanya, selain memastikan seluruh sektor itu bersedia untuk menghadapi lebih banyak perubahan disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka pada masa akan datang, maka para petani dan nelayan akan dapat mencapai kelestarian diri setelah mempelajari cara mewujudkan kedai dalam talian untuk menjual hasil laut terus kepada pengguna.

"Jarak penghantaran PNK Bintulu mencapai radius 30 kilometer dan ini akan ditambah dari semasa ke semasa. Semua pesanan akan dihantar pada hari yang sama bagi pesanan yang dibuat sebelum jam 1 petang.

"Untuk mengekalkan tahap kesegaran, PNK Bintulu menerima bekalan hasil laut segar dan sejuk beku daripada para nelayan setiap hari dan produk sejuk beku disimpan di bilik sejuk PNK Bintulu," jelasnya.

Menurut kenyataan itu lagi, inisiatif itu juga memperluaskan sayap e-dagang agar menjadi lebih inklusif sejajar dengan seruan kerajaan bagi memastikan tiada pihak yang tertinggal.

Manakala Shopee pula katanya, menyokong usaha kerajaan untuk memastikan setiap individu mendapat tempat dalam e-dagang dan tiada nelayan yang ketinggalan.

Untuk maklumat lanjut, pengguna boleh mengunjungi kedai rasmi PNK Bintulu di <https://shopee.com.my/pnkbintulu>.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/7/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Lebih 120,000 orang terlibat dalam pertanian bandar sejak 2014: Ronald Kiandee



UDANG HARIMAU: Ronald Kiandee (kiri) dan Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Othman Abdul Latiff menunjukkan udang harimau yang dituai ketika melawat projek ternakan udang harimau di Sebatu, Jasin semalam. — Gambar Bernama

MELAKA: Seramai 124,988 orang di 5,065 lokasi terlibat dalam pelbagai program dan kategori pertanian bandar sejak pewujudan Bahagian Pertanian Bandar di Jabatan Pertanian Malaysia pada 2014 sehingga kini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata sepanjang Rancangan Malaysia ke-11 iaitu antara 2016 hingga tahun lepas, sejumlah 93,937 orang di 3,815 lokasi terlibat dalam program pertanian bandar dan daripada jumlah itu 8,010 orang adalah dari Melaka.

Beliau berkata kerajaan yakin projek pertanian bandar dapat membantu mengurangkan kos sara hidup, memberi peluang pekerjaan dan menjana pendapatan tambahan dengan tujuan membantu rakyat Malaysia khususnya yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Maka, kerajaan memperakukan peruntukan dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) untuk memberi sumbangan seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan lain-lain bernilai RM500 bagi penerima individu dan RM50,000 bagi setiap komuniti.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyasarkan peruntukan sebanyak RM10 juta di bawah PENJANA (untuk pertanian bandar). Peruntukan ini akan memanfaatkan 800 komuniti dan 12,000 penyertaan individu baharu dalam program pertanian bandar," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas meninjau projek pertanian bandar 'Kebuniti' di Program Perumahan Rakyat Tehel, Bemban di sini yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Kiandee berkata kerajaan memperkenalkan program pertanian bandar itu bagi menangani isu kekurangan tanah untuk pertanian, selain membolehkan rakyat menceburkan diri dalam sektor pertanian dengan menggunakan ruang sedia ada bagi pengeluaran makanan serta menjana pendapatan tambahan.

"Program seumpama ini, mampu menyokong usaha kerajaan dalam menjamin kualiti dan sekuriti makanan Negara. Penduduk Melaka juga boleh menanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan bagi menampung keperluan harian serta mengurangkan kos sara hidup.

"Di samping itu, ia dapat menambahkan pendapatan sampingan melalui penjualan lebihan hasil tanaman. Kerajaan memandang serius hal berkaitan kecukupan bekalan makanan serta penjanaan pendapatan tambahan kepada semua rakyat di negara ini," katanya. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/7/2020	MALAYSIA AKTIF	ONLINE	

Lebih RM42 Juta Bantu Nelayan dalam Lima Bulan Pertama Tahun Ini



PUTRAJAYA, 5 Jul (Malaysiaaktif) - Kerajaan membelanjakan lebih RM42 juta bagi pembayaran Elaun Sara Hidup Nelayan pada lima bulan pertama tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata elaun bulanan sebanyak RM250 itu disalurkan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Di Kelantan sehingga Mei lalu, kerajaan membelanjakan sebanyak RM1.2 juta bagi bantuan Elaun Sara Hidup kepada nelayan yang layak menerima bantuan itu bagi meringankan bebanan golongan terbabit berdepan cabaran ekonomi ketika.

"Pihak kerajaan melalui LKIM melaksanakan pelbagai bantuan kepada nelayan seperti Bantuan Sara Hidup Nelayan, Bantuan Subsidi Diesel dan Petrol, Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, Che Abdullah berkata pihaknya menyasarkan seramai 1,000 peserta akan menerima bantuan peruntukan sebanyak RM10 juta menerusi Program Rezeki Tani yang dilaksanakan dalam tempoh dua tahun bermula 2019 hingga 2020.

"Program ini adalah untuk golongan miskin serta isi rumah dengan pendapatan tidak melebihi RM2,614 sebulan dan berdaftar dalam sistem eKasih. Keutamaan diberikan kepada calon berusia 18 sehingga 60 tahun yang sedang menjalankan aktiviti pertanian, penternakan, perikanan dan lain-lain.

"Selain bantuan peralatan menangkap ikan, LKIM turut menyalurkan bantuan kepada peserta Program Rezeki Tani yang menjalankan aktiviti pemprosesan keropok, budu serta perniagaan makanan dan minuman," katanya.

Headline	120,000 urban farmers nurtured since 2014 - Kiandee		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	05 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	6	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	128 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 714
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,141



120,000 urban farmers nurtured since 2014 – Kiandee

MELAKA: About 124,988 people in 5,065 locations have been involved in various urban farming programmes and categories since the establishment of the Urban Agriculture Division in the Department of Agriculture in 2014.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said throughout the 11th Malaysia Plan between 2016 and last year, 93,937 people in 3,815 locations had been involved in urban farming programme, and out of the total, 8,010 people were from Melaka.

He said the government was confident that urban agriculture projects could help to lessen the cost of living of the people, provide job opportunities and generate extra income, aimed at helping Malaysians especially those affected by the Movement Control Order (MCO).

“Thus, the government has allocated provisions in the National Economic Recovery Plan (Penjana) to make contributions of seeds, fertilisers, infrastructure, equipment, advisory service and others worth RM500 for each recipient and RM50,000 for every

community.

“The Ministry of Agriculture and Food Industry had targeted a RM10 million allocation under Penjana (for urban farming). The allocation will benefit 800 communities and 12,000 new participation from individuals for the urban farming programme,” he said here yesterday.

He said this in his speech after visiting the ‘Kebuniti’ urban farming project at the Tehel People’s Housing Programme, Remban here, which was also attended by his deputy Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Kiandee said the government introduced the urban farming programme to address the issue of land shortage for agriculture, besides enabling the people to venture into the agricultural sector using existing available spaces for food production and extra income generation.

“Such programmes can support the government’s efforts in ensuring national food quality and security. The residents of Melaka can also cultivate and produce their own food for daily use as well as to reduce living costs.”

5/7/2020

SINAR
AHAD
NEGERI SELANGOR/
KELANTAN/KEDAH

7

Nelayan terima elaun lebih RM42j

Pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan melibatkan lebih 168,000 penerima

Oleh ROSMIZA KASIM

TUMPAT

Kerajaan telah membelanjakan lebih RM42 juta bagi pembayaran Elaun Sara Hidup Nelayan di seluruh negara untuk tempoh sehingga Mei tahun ini melibatkan lebih 168,000 penerima.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa berusaha untuk mengubah taraf hidup nelayan supaya mereka keluar

daripada kemiskinan.

Menurutnya, kerajaan melalui LKIM telah melaksanakan pelbagai bentuk bantuan seperti Elaun Sara Hidup Nelayan, Bantuan Subsidi Diesel dan Petrol, Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan, Baik Pulih Rumah dan sebagainya.

"Kerajaan mengakui bahawa nelayan berperanan besar dan penting dalam membekalkan sumber makanan negara.

"Kerajaan tidak pernah mengabaikan mereka dan pelbagai bentuk bantuan serta sokongan termasuk inisiatif tertentu terus dilaksanakan sebagai galakan kepada kumpulan ini," katanya kepada media di sini semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis perjumpaan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Bersama Nelayan Tumpat di Kompleks LKIM Geting di sini semalam.



Che Abdullah (tiga dari kiri) menyerahkan pukat kepada salah seorang nelayan menerusi Program Rezeki Tani di Kompleks LKIM, Tumpat semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan LKIM, Kusuadi Salih, Setiausaha Dasar dan Perancangan Strategik MOA dan Pengarah Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan LKIM, Rashima Baha-

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, pada tahun lalu, lebih RM88 juta disalurkan kepada 40,000 penerima Elaun Sara Hidup Nelayan di seluruh negara.

Pada majlis sama, Che Ab-

dullah menyerahkan bantuan peralatan menangkap ikan sekepada lima penerima di kawasan Tumpat menerusi Program Rezeki Tani.

Beliau turut menyampikan bantuan Bencana Alam dan Kebajikan kepada tiga waris nelayan berjumlah RM1,000 setiap seorang.

Sementara itu, seorang penerima, Sudin Ismail, 57, berkata, beliau berterima kasih kepada MOA kerana membekalkan peralatan menangkap ikan yang baharu.

"Saya selalu terfikir macam mana hendak gantikan pukat jerut lama yang sudah cari. Alhamdulillah, dengan bantuan kerajaan ini saya boleh tukarkan pukat yang sudah berusia 20 tahun itu.

"Bolehlah kami 15 sekawan turun ke laut dengan perkakas yang baharu dan mudah-mudahan bertambahlah rezeki kami," katanya.

Kerajaan galak projek akuakultur

Bagi memastikan bekalan protein negara sentiasa mencukupi

Oleh SARINAH MAT KASIM

MELAKA

Meskipun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan sejak 18 Mac lalu, hasil tangkapan ikan dan aktiviti pendaratan hasil laut tidak terjejas, malah beroperasi seperti biasa.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, bagi memastikan bekalan protein negara sentiasa mencukupi, pihaknya kini menggalakkan projek akuakultur sebagai penyumbang kepada salah satu tanaman dan hasil laut.

Menurutnya, kementerian bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengambil inisiatif mengusahakan projek memternak udang harimau di atas tanah milik LKIM.

"Projek dengan kerjasama Persatuan Nelayan Kebangsaan, Persatuan Nelayan Negeri Melaka dan Persatuan Nelayan Kawasan di Kampung Sebatu, Mukim Sebatu di Melaka melibatkan



Ronald (kanan) dan Ahmad (tengah) melawat projek ternakan udang harimau di Sebatu dekat Melaka semalam.



Ronald (kiri) dan Ketua Pengarah LKIM, Othman Abdul Latiff menunjukkan udang harimau yang dituai ketika mereka melawat projek ternakan udang harimau di Sebatu dekat Melaka semalam.

kawasan seluas 98.86 hektar," katanya selepas melawat Kolam Ternakan Udang Harimau Kampung Sebatu di sini semalam. Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah. Ronald berkata, pembangunan Projek Ternakan Udang LKIM, Sebatu diletakkan di bawah High Impact Project Zon Industri Akuakultur (HIP-ZIA) bagi tujuan memberi tumpuan ke arah meningkatkan pengeluaran ikan negara berskala komersial yang selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3).

Menurutnya, pembangunan projek tersebut melibatkan empat fasa dengan jumlah keseluruhan pengeluaran udang untuk Projek Ternakan Udang LKIM bagi Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3

pada tahun 2018 hingga 2019 mencatatkan pengeluaran keseluruhan berjumlah 221,598.40 kilogram (kg) dengan nilai sebanyak RM6,854,284.

"Sementara itu, jumlah pengeluaran udang untuk Fasa 2 pada 2019 mencatatkan pengeluaran berjumlah 122,315.1kg dengan nilai sebanyak RM3,847,285.63, manakala pada 2018, ia mencatatkan pengeluaran berjumlah 64,096kg dengan nilai sebanyak RM1,932,775.

"Bagi fasa keempat, seluas 10 hektar tanah telah diperuntukkan dengan penyediaan 10 kolam ternakan dan satu kolam takungan yang dijangka beroperasi pada tahun 2022," katanya.

Beliau berkata, antara jenis udang yang ditenak ialah jenis udang harimau iaitu salah satu

spesies udang air payau/laut yang sesuai ditenak di kolam kerana mempunyai daya ketahanan yang tinggi dan kadar tumbesaran yang cepat.

Menurutnya, udang harimau boleh dituai antara 120 hingga 180 hari dan purata harga jualan pada harga RM35 hingga RM45 sekilogram, bergantung kepada harga pasaran semasa.

"Pencapaian ini sangat membanggakan apabila Persatuan Nelayan Negeri Melaka mengambill langkah memperkukuhkan rantaian pemasaran udang di negeri ini.

"Mereka bekerjasama dengan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan Persatuan Nelayan Kawasan untuk memastikan bekalan udang mencukupi serta konsisten di

Melaka khususnya dan seluruh negara amnya," kata beliau.

Ronald berkata, bagi memenuhi permintaan peminat udang harimau, Nekmat turut membuat jualan ikan menggunakan khidmat penghantaran (*runner*) yang berpusat di Pusat Pengumpulan dan Pengedaran (CCDC) Nekmat di Taman Wahyu, Kuala Lumpur.

"Penghantar melalui *runner* Nekmat melibatkan kawasan Putrajaya, Kajang, Damansara, Sungai Buloh, Rawang, Gombak, Selangor dan Ampang terus ke rumah pengguna.

"Malah, Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pasar Borong Meru, Klang serta pemborong dan peruncit di sekitar Kuala Lumpur turut mendapat permintaan bekalan udang harimau ini," kata beliau.

Program pertanian bandar bantu tingkatkan pendapatan komuniti

MELAKA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menasaskan peruntukan berjumlah RM10 juta di bawah Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) yang akan memanfaatkan seramai 800 komuniti dan 12,000 penyertaan individu baharu untuk program pertanian bandar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, melalui Penjana, kerajaan menawarkan pakej sumbangan sehingga maksimum RM500 bagi individu dan RM50,000 untuk pekebun secara komuniti.

Menurutnya, pakej sumbangan terdiri daripada barangan dalam bentuk bantuan input pertanian seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan latihan kepada individu.

"Sejak 2014 sehingga kini, seramai 124,988 orang termasuk dari sekolah, institusi, individu dan komuniti di



Ronald (tiga dari kanan) menyerahkan replika cek bernilai RM50,000 di bawah Penjana kepada Pengerusi Komuniti Rukun Tetangga (KRT) Taman Pulai Indah, Norhisyam Zahari (tiga dari kiri) sempena lawatan kerja beliau di Melaka semalam.

5,065 lokasi seluruh negara telah terlibat dalam program pertanian bandar.

"Kerajaan memandang serius kecukupan bekalan makanan dan penjana pendapatan tambahan untuk

semua rakyat Malaysia, jadi kita perkenalkan program ini bagi menangani isu kekurangan tanah bagi pertanian.

"Ia juga adalah peluang kepada rakyat Malaysia menceburi bidang

pertanian dengan menggunakan ruang sedia ada bagi pengeluaran makanan dan menjaga pendapatan tambahan yang selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Walkabout dan Sesi Engagement Menteri Pertanian dan Industri Makanan bersama penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR)-Tehei, Bukit Katil di sini semalam.

Ronald sebelum itu menyampaikan peruntukan bantuan sebanyak RM50,000 kepada komuniti Taman Pulai Indah sebagai suntikan awal untuk mereka memperluaskan kebun komuniti di kawasan tersebut.

Menurut Ronald, melalui program itu, komuniti akan diperkenalkan dengan pelbagai pakej dan teknologi pertanian bandar yang sesuai mengikut tempat dan keadaan komuniti tersebut.

Headline	Kundasang, Ranau to undergo agricultural revolution -Junz		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	05 Jul 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	295 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 822
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,467



Kundasang, Ranau to undergo agricultural revolution – Junz

KUNDASANG: The Kundasang and Ranau are set to undergo an agricultural revolution, said Datuk Junz Wong, the Minister of Agriculture and Food Industry following a few site visits on Thursday.

"I was at the Mesilau Permanent Food Production Area (Taman Kekal Pengetuanan Makanan - TKPM) on Thursday to have a look at the progress of the fertigation pilot programme."

"I am aware there are many TKPMs throughout the country since many years ago, but it rarely yielded any significant results.

"Participants are complaining, farmers are still poor, not many are helped and there is a lot of harm done to the environment despite a lot of money being allocated by the previous administration."

"That is why after Warisan took over in 2018, the Sabah Government decided to revolutionise the agriculture sector by implementing modern technologies.

"We wanted to solve the problems faced by farmers and problems that are threatening the environment.

"In the Mesilau TKPM, for example, we decided to test run a fertigation pilot programme. It was an intended reform the previous administration's had failed system so that participants can increase their income and

at the same time avoid more pollution to the environment.

"Two years later today, we are seeing extremely positive results. The first batch of eight participants who have joined the pilot fertigation programme are consistently earning five figures," Junz said.

"Just imagine using a green house of only 2,000 square feet to harvest three to five hundred kilogrammes of tomatoes, twice a week and selling it at RM4 per kilo. That is RM16,000 a month."

"Or pepper bells (capsicums). The same 2,000 square feet can yield two harvests a week of about 150 to 200 kilogrammes each harvest. At about RM8 to RM10 per kilogramme, one can also make about RM16,000 a month."

"See, it is doable with the right people and right priorities and right passion. We have proven it."

He added that the success story would be brought to the attention of the Chief Minister soon, so that more can benefit from this successful model.

"I will bring the Chief Minister to the site for a visit soon so that much more attention can be given and perhaps we can replicate this successful model throughout Sabah for the benefit of more Sabahans."

Junz, who was also in Kundasang for a public field trip organised by his office added,

"In fact on the very same day multiple events are happening".

"My office was also organising a field trip to expose more Sabahans to urban sustainable farming. About 150 participants mostly from Kota Kinabalu, and some even as far as Sandakan and Keningau had a chance to visit Azizul Julin's Kundasang Aquaponic farm."

Junz added that the Sabah Government's policies are not only on paper, but a testimony of the reforms undertaken in the Agriculture Ministry.

"Apart from TKPM and Mr. Azizul's farm, I also visited Mr Ho's hydroponic farm. He took the initiative to replicate existing successful models and he is now making a lot of money."

Junz concluded that the Sabah Agriculture Ministry is in the midst of revolutionising the Kundasang area.

"I think many Sabahans are aware how conventional farming has damaged the environment, especially in Kundasang. We have seen soil erosion due to forest cutting, the weather is not as cold as before and the soil is getting laced with more and more harmful chemicals."

"The Sabah Government is aware. That is why apart from implementing plans to help farmers, we are also making sure it is sustainable. This agricultural revolution is happening," Junz said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/7/2020	METRO AHAD	XPRESI	27



FOTO FADHLI HANIZAH

XPRESI

TIGA aras tanaman menghiasi laman rumah Sulaiman

INISIATIF 3 BULAN 'BERKURUNG'

Sulaiman mula berkebun sepanjang tempoh PKP kini boleh tuai hasil



SULAIMAN menyemai benih untuk gantikan tanaman sudah dituai

AGRO

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@metro.com.my

Laman depan kediaman Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Kelestarian Ekosistem Alam (NEST), Sulaiman Salikan di Desa Pinggiran Putrajaya dipenuhi pelbagai tanaman termasuk sayur terung, bendi dan sayur berdaun.

Melihat setlap tanaman itu tumbuh dengan subur dan

berbuah membuatkan andaian penulis bahawa aktivis semula jadi itu sudah lama menjalankan aktiviti pertanian di laman rumahnya.

Apatah lagi, ruang belakang rumah juga turut dipenuhi pokok jagung dan tanaman lain termasuk kacang tanah, bayam Brazil dan bendi.

Menurut Sulaiman, sebenarnya semua tanaman itu hanyalah hasil daripada tiga bulan 'berkurung' ketika tempoh Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP).

"Saya hanya mula berkebun sejak tiga bulan lalu selepas 'mati kutu' kerana terpaksa berkurung dalam rumah ketika tempoh PKP. Selepas puas berkemas dalam rumah, aktiviti beralih mencantikkan ruang laman pula.

"Mengetahui aktiviti menanam pokok, asasnya sedikit sebanyak ilmunya ditimba apabila sering bersama orang awam untuk program kesedaran menjaga alam

sekitar dengan aktiviti itu (menanam pokok) sebagai satu daripada pengisiannya.

"Cumannya untuk sampai ke tahap ini iaitu dengan menanam pelbagai jenis sayur-sayuran bagi kegunaan keluarga terutama isteri memetik dan memasaknya tidak terfikir disebabkan terlalu sibuk dengan tuntutan tugas selaku pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebelum ini," katanya.



DI RE TAN anak pokok sedia untuk ditanam

DARI MUKA 27

Kata Sulaiman, pengalaman memulakan aktiviti berkebun di laman rumah dalam tempoh PKP juga sukar kerana tiada alat dan biji benih untuk menanam atas faktor kebanyakan nurseri ditutup.

"Anak benih saya dapatkan daripada kakak, Rohaya, 60 dan kemudian dibantu menerusi nasihat suami beliau, Ab Kahar Sandarang, 60, pesara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Daripada abang Ipat itu juga saya faham elemen penting dalam memulakan kerja menanam termasuk mempunyai medium baik iaitu tanah elok dan subur, biji benih, kaedah penjagaan iaitu baja dan racun yang mampu melindungi daripada serangan serangga perosak," katanya.

Dia turut mendapat bantuan rakan, Isa Saad yang memiliki nurseri di Dengkil, Selangor untuk mendapatkan biji benih.

Kebanyakan sayur-sayuran dan pokok buah-buahan di laman rumahnya itu menggunakan kaedah lebih mesra alam atau lestari.

"Saya bercucuk tanam untuk di makanan sendiri dan lebih teliti terutama pemilihan baja dan racun serangga tidak mengandungi bahan kimia atau racun berbahaya.

"Seboleh-bolehnya saya mahu capai 80 peratus kaedah pertanian lestari dan

Racun pula, saya cuba guna kaedah air sabun direndam bersama bawang putih dan air puntung rokok kerana lebih mesra alam serta tidak berbahaya kepada pengguna

SULAIMAN

KAEDAH LESTARI PILIHAN TERBAIK

Buat sendiri
baja dengan
air beras
diperam
bersama
kepingan roti

antara kaedah diguna pakai termasuk guna baja tahi ayam serta tahi kambing selain dibuat sendiri iaitu air beras yang diperam bersama kepingan roti.

"Racun pula, saya cuba guna kaedah air sabun direndam bersama bawang putih dan air puntung rokok kerana lebih mesra alam serta tidak berbahaya kepada pengguna," katanya.

Bagi mengindahkan laman kediamannya itu, kata Sulaiman, tiga aras susun atur membezakan jenis tanaman iaitu bagi pokok berdaun ditanam di dalam pasu, pokok berbuah di atas tanam dan tanaman menjalar paling atas berbanding kedudukan dua tanaman terbit.

Kata Sulaiman, perkongsian mengenai tanaman sayur-sayuran sebagai landskap menghijaukan kediaman itu di harap dapat menarik perhatian lebih banyak pihak dalam aktiviti terbaik.

"Saya mendapat sokongan penuh isteri, Dr Siti Zuhaida Hussein selain empat anak yang turut sama membantu berkebun. Lagi bermakna kalau lebih ramai orang dapat lakukan perkara sama menjaga alam dengan menanam pokok di laman rumah," katanya yang turut melancarkan kempen #Fight4OurPlanet untuk galakkan masyarakat menjaga alam sekitar dengan aktiviti berkebun.

Usahnya itu turut mendapat perhatian komuniti kejiranan termasuk Zana Mohd Khalid, 42, yang juga memulakan aktiviti bercucuk tanam di kawasan kediamannya, baru-baru ini.

"Saya dan tiga lagi jiran tertarik apabila melihat kebun diusahakan Sulaiman sudah mengeluarkan hasil. Jadi kami belajar mengenai cara rawatan tanah yang banyak membantu kesuburan tanaman jarang diketahui sebelum ini.

"Dulu saya ingat setiap kali menanam pokok itu mati disebabkan 'tangan panas'. Sebaik belajar teknik terutama rawatan tanah dan penggunaan baja sesuai hasilnya bukan saja hidup malah saiz daun serta pokok semuanya 'gemuk' membuatkan masa diperuntukkan untuk berkebun berbaloi," katanya.



ZANA menggunakan racun mesra alam.



TANAH dirawat menggunakan komponen seperti tahi kambing, rumput kering dan mikroorganisma untuk meningkatkan kualiti.



PLOt kebun poket yang meriah dengan pelbagai tanaman.



SUASANA di belakang rumah Sulaiman dengan pelbagai tanaman.



SULAIMAN menunjukkan salad sedia akhir.



HASIL kebun Sulaiman boleh dilihat di laman rumahnya.